



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,

KELUARGA DAN MASYARAKAT

BERSEMPENA

LAWATAN RASMI KE SEKOLAH TUNAS BAKTI (PEREMPUAN)

MARANG TERENGGANU

PADA

21 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)

SALUTASI

(Dikemukakan kemudian)

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita semua diberi ruang dan peluang untuk hadir ke sini bersempena dengan lawatan kerja rasmi dan program turun padang untuk kita dapat berkenalan dengan pelaksana program dan kumpulan sasar kita.

Rasanya masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada anak-anak institusi berbangsa Cina yang merayakan sambutan perayaan tersebut.

2. Program turun padang ini diadakan adalah bertujuan untuk mendekati kumpulan sasar yang berada di bawah jagaan agensi-agensi KPWKM dengan lebih rapat dan secara tidak langsung dapat membantu KPWKM dalam menambah baik perkhidmatan, peranan, fungsi dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi dibawahnya.

Selain itu, melalui program ini diharapkan kita dapat mengumpul maklum balas serta cadangan penambahbaikan berkaitan aspek amalan standard dan prosedur sedia ada untuk meningkatkan produktiviti serta kecekapan penyampaian perkhidmatan KPWKM.

Terima kasih di atas persembahan montaj sebentar tadi berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Sekolah Tunas Bakti Perempuan Marang ini.

Pada 21 November 2018 yang lalu, saya juga turut berkesempatan hadir dan melawat Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi Kuala Lumpur yang menempatkan kanak-kanak lelaki. Komitmen dan iltizam yang tinggi dari semua pihak, baik di pihak sekolah mahupun JKM dan Kementerian amat diperlukan bagi memastikan persekitaran yang selamat, penjagaan dan pemulihan yang sebaik-baiknya diberikan kepada kanak-kanak di Sekolah Tunas Bakti.

Hadirin hadirat yang dimulihkan,

3. KPWKM melalui JKM telah diberi tanggungjawab dan amanah untuk memberi perlindungan, penjagaan dan pemulihan serta membangunkan salah satu daripada lapan kumpulan sasaran KPWKM iaitu kanak-kanak.
4. Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah dibuat pindaan dan penambahbaikan pada tahun 2016, turut memastikan bahawa kanak-kanak yang tidak terkawal dan berkonflik dengan undang-undang hendaklah diberi penjagaan, pemulihan, pembangunan dan pengintegrasian dengan sebaik mungkin bagi memastikan mereka tidak mengulangi kesilapan lampau.
5. Selaku kementerian yang menjaga kebajikan kanak-kanak, pelbagai cabaran dihadapi dalam menangani masalah sosial yang semakin membimbangkan melibatkan kumpulan sasaran di bawah kementerian khususnya kanak-kanak.

6. Isu jenayah terhadap kanak-kanak sering menjadi perhatian media sosial sama ada kanak-kanak menjadi mangsa ataupun sebagai pesalah.
7. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bilangan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dilaporkan agak membimbangkan dan meningkat saban tahun. Pada tahun 2016, sebanyak **4,886 kes** telah dilaporkan. Bilangan kes turut meningkat **11.7%** pada tahun 2017 iaitu sebanyak **5,146 kes**. Daripada jumlah kes-kes ini jenis kesalahan yang paling tinggi adalah berkaitan dengan dadah iaitu sebanyak **36.4%** dan harta benda sebanyak **31.2%**.
8. Kesalahan berkaitan dadah hendaklah diberi perhatian yang serius. Kesan daripada penyalahgunaan dadah ini amat membimbangkan sehingga boleh mengakibatkan masalah mental di samping meningkatnya kes-kes jenayah ringan dan berat. Saya berharap JKMM perlu mengadakan program kerjasama dengan mana-mana agensi yang berkenaan untuk membantu memberi pemulihan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan kesalahan dadah.
9. KPWKMM juga sedang dalam proses untuk melaksanakan projek rintis yang dikenali sebagai *Diversion* yang akan dimulakan tahun ini.
10. *Diversion* merupakan satu sistem pengalihan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah ringan dan tidak serius daripada sistem kehakiman sedia ada. Kanak-kanak tersebut akan menjalani modul intervensi yang disediakan khas untuk mereka mengikut jenis kesalahan dan latar belakang kanak-kanak tersebut. Mengikut model ini, kanak-kanak yang tersabit kesalahan ringan tidak akan ditahan dan tidak akan mempunyai rekod kesalahan.

Modul intervensi tersebut merangkumi kaunseling, khidmat masyarakat, membayar ganti rugi atau membaik pulih kerosakan yang dilakukan. Kadangkala, kesan buruk dari sudut psikologi yang dihadapi oleh kanak-kanak kerana melalui proses perundangan akibat daripada melakukan kesalahan-kesalahan kecil (minor) adalah lebih teruk daripada kesalahan itu sendiri. Justeru, inisiatif seperti “Diversion” perlu dipertimbangkan untuk dilaksanakan sebagai kaedah rehabilitasi alternatif.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

11. Sekolah Tunas Bakti merupakan institusi yang ditubuhkan bertujuan untuk memberi pemulihan dan mendidik kanak-kanak membina sikap positif, membentuk keperibadian yang utuh serta melengkapkan diri dengan keterampilan bagi membolehkan mereka hidup berdikari dan berintegrasi dalam masyarakat apabila keluar dari institusi kelak.
12. Kanak-kanak yang ditempatkan di institusi di sini memerlukan pemulihan untuk mengubah kisah lampau akibat terlibat dengan pelbagai kesalahan.
13. Jika ditanya kepada mereka, sudah tentu mereka tinggal di sini bukan atas kehendak mereka sendiri. Namun, atas faktor-faktor tertentu, mereka terpaksa tinggal di sini bagi tujuan pemulihan. Oleh itu, mereka sangat memerlukan rangsangan dan modaliti pemulihan yang berkesan untuk memupuk jati diri yang berdaya tahan.

Selaku pelaksana di peringkat operasi di institusi kanak-kanak, tanggungjawab dalam menguruskan institusi adalah amat penting. Menjadi tanggungjawab kita untuk menggunakan pendekatan terkini demi memastikan program-program kepada kanak-kanak ini sentiasa

relevan dan tepat pada masanya dengan penuh rasa tanggungjawab. Saya sedar, berkhidmat di institusi kanak-kanak bukanlah mudah.

14. Banyak cabaran yang ditempuhi dalam mengendalikan kanak-kanak di institusi setiap hari.
15. Program dan aktiviti untuk kanak-kanak hendaklah diurus sebaik mungkin berdasarkan peraturan dan ketetapan institusi.
16. Harapan saya agar setiap pegawai dan kakitangan institusi dapat menanam semangat untuk terus membantu kanak-kanak. Masyarakat juga perlu memainkan peranan memberi anak-anak ini peluang kedua dalam kehidupan kerana mereka adalah aset negara.
17. Sebagai kesinambungan kepada usaha ini, saya melihat pihak NGO juga berperanan sebagai ejen pemudah bagi kanak-kanak ini diintegrasikan semula ke dalam masyarakat. Peranan ini amat penting lebih-lebih lagi apabila kanak-kanak ini meninggalkan institusi JKM.

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

18. Selaras dengan Teras Strategik 3 bagi Rancangan Malaysia Ke-11, pada tahun 2018, kementerian telah diluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menaik taraf 17 buah institusi kanak-kanak di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat.
19. Kerja-kerja menaiktaraf institusi yang perlu dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun iaitu bermula 2018 hingga 2020 adalah merangkumi pembangunan infrastruktur, peralatan dan harta modal, bahan guna habis, penyelenggaraan mesin serta peralatan, latihan serta pembangunan modul dan kapasiti.

20. Peruntukan ini juga termasuklah untuk persediaan bagi program latihan kemahiran kepada kanak-kanak di institusi kanak-kanak.
21. Saya difahamkan semua Sekolah Tunas Bakti telah menyediakan latihan kemahiran untuk kanak-kanak di institusi.
22. Latihan kemahiran ini bertujuan untuk mempersiapkan mereka agar mempunyai sijil kemahiran yang diiktiraf industri bagi kebolehpasaran dalam pekerjaan apabila keluar dari institusi kelak.
23. Antara bidang yang telah dilaksanakan adalah jahitan, masakan, bakeri, automotif dan kimpalan. Berdasarkan rekod JKM dari tahun 2015 hingga 2018, seramai 956 orang kanak-kanak dari institusi kanak-kanak JKM telah berjaya mengikuti Latihan Kemahiran dan memperolehi Persijilan Yang Diiktiraf Industri. Syabas dan tahniah saya ucapkan di atas usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh JKM.
24. Di samping itu, kanak-kanak juga berpeluang untuk menyambung latihan mereka di institut latihan awam seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Giat Mara serta melanjutkan pelajaran dalam bidang Diploma Professional melalui kerjasama agensi, syarikat swasta dan badan korporat.
25. Kolaborasi strategik sebegini hendaklah dilaksanakan secara berterusan, malah akan menjadi asas untuk menggalakkan lebih banyak institusi-institusi latihan lain tampil dan menawarkan latihan serta pekerjaan kepada penghuni institusi.
26. Selain itu, saya turut difahamkan bahawa di samping menyediakan latihan kemahiran, kanak-kanak yang akan keluar dari institusi juga masih diberi jagaan susul oleh JKM selama satu tahun bagi

memastikan mereka bersedia untuk menghadapi kehidupan sebenar dan boleh berdikari sepenuhnya.

27. Seperti yang dijelaskan oleh Pengetua bahawa pada tahun ini Sekolah Tunas Bakti Marang diperuntukkan sebanyak RM360,000 bagi kerja-kerja menaik taraf institusi di bawah RMK ke-11 tersebut.
28. Bidang kemahiran bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 yang akan diberikan kepada kanak-kanak di institusi ini adalah bakeri dan jahitan.

Tahniah saya ucapkan kepada Sekolah Tunas Bakti Marang.

Teruskan usaha untuk memantapkan lagi program kemahiran melalui peruntukan yang telah disalurkan bagi memastikan kanak-kanak diberi pemulihan dan mendapat manfaat sewajarnya.

29. Bagi kanak-kanak institusi yang ingin meneruskan pendidikan akademik, Kementerian, melalui JKM, turut menyediakan ruang pembelajaran untuk mereka, sama ada bersekolah di luar atau dalam institusi.
30. Bagi yang bersekolah di dalam institusi, program seperti tuisyen dan tenaga pengajar disediakan untuk membantu kanak-kanak ini.
31. Saya berharap anak-anak teruslah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh. Kementerian melalui JKM sentiasa memberi sokongan dan motivasi kepada anak-anak agar berjaya dalam pelajaran dengan memperoleh keputusan yang cemerlang. Kejayaan kanak-kanak ini akan diiktiraf oleh jabatan, contohnya melalui Program Aspirasi Gemilang "A", sebagai dorongan kepada kanak-kanak untuk terus cemerlang dalam pelajaran.

32. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi setinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program lawatan dan turun padang pada hari ini. Semoga apa yang di usaha akan mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.

Saya sudahi ucapan saya ini dengan **WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH,
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIBARAKATUH.**